

# Graduan generasi baharu mencorak arah masa hadapan Felda

Oleh DR. SOAIB ASIMIRAN

soaib@putra.upm.edu.my

SETIAP tahun universiti mengadakan majlis konvokesyen meraikan graduan yang berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya. Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia Ke-36 baru-baru ini turut menyaksikan graduan anak-anak Felda tidak ketinggalan menyertai 6,118 graduan yang menggenggam segulung ijazah.

Bagi ibu bapa inilah saat meraikan kejayaan anak masing-masing dan bagi para graduan inilah masanya menuai kejayaan yang diidam-idamkan. Universiti bangga mengeluarkan graduan manakala majikan menanti-nanti kumpulan baru yang akan meneruskan cabaran alam pekerjaan.

Bagi organisasi besar seperti Felda pula, kejayaan generasi baharu dalam pengajian tinggi menjanjikan satu sinar kepada Felda untuk para graduan ini berbakti dan mencorakkan arah masa hadapan Felda.

Sejak Felda diasaskan pada 1 Julai 1956, agensi kerajaan ini terus maju ke hadapan membangunkan tanah baharu untuk dijadikan ladang pertanian yang produktif melalui pengurusan pertanian yang tersusun, sistematik dan berkesan - diterajui pemimpin yang dilantik.

Dalam kalangan peneroka, mereka juga punya pemimpin yang sama-sama mendokong aspirasi Felda. Anak-anak pula tidak dikesampingkan pelajarannya supaya mereka berjaya.

Oleh itu, sejak dulu lagi telah banyak anak Felda melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi di dalam dan luar negara



**SEBAHAGIAN** graduan pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-36 yang disempurnakan oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada pertengahan Oktober lalu.  
-GAMBAR HIASAN

dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, perubatan, kejuruteraan, undang-undang, pertanian dan lain-lain.

Hasilnya, ramai yang telah memegang jawatan penting sama ada dalam institusi kerajaan mahupun swasta dan tidak kurang yang kembali berkhidmat dengan Felda atas

dasar sayang dan cintakan agensi itu.

Sebagai cerdik pandai dan yang tidak lupa kepada sejarah, kita perlu bertanya ke mana arahnya Felda selepas ini. Allahyarham Tun Abdul Razak mempunyai pandangan yang jauh. Kita harus membaca dan memahami apa yang tersirat di sebalik pe-

mikiran beliau.

Pembangunan Felda bukan sekadar untuk merealisasikan usaha menghapus kemiskinan dengan menempatkan peneroka di tanah-tanah rancangan dan membangun ekonomi mereka, tetapi setelah lebih 50 tahun penubuhannya arah masa hadapannya perlu difikir, dibangun dan dilaksanakan berte rusuan secara bersama. Inilah yang dipatut difikir dengan mendalam oleh para graduan generasi baharu Felda hari ini.

Apakah maknanya bergelar graduan jika tidak dapat menyelami niat mereka yang telah banyak menabur bakti kepada kita. Sampai masanya dan kena pada tempatnya untuk para graduan mula memikir satu tanggungjawab besar untuk kembali menabur bakti supaya sama-sama dapat memberi hasilnya pada masa mendatang.

Kesinambungan Felda bukan sekadar keluar daripada jurang kemiskinan bahkan melangkaui batas pengantarabangsaan. Kehebatan graduan bukan dilihat daripada jawatan yang dipegang atau wang ringgit yang diberi kepada keluarga tetapi sejauh mana graduan dapat memberi impak kepada masyarakat.

Bagi generasi baharu Felda, sudah tentu mengharapkan graduan memberi impak kepada kesejahteraan dan kejayaan Felda melangkaui tahun 2020.

Felda mempunyai cerdik pandai, pemimpin berkaliber yang berwawasan dan generasi baharu yang punya ilmu, kemahiran dan tenaga untuk diatur gerak secara bersama. Jika terdapat apa-apa kepincangan sudah tentu kepincangan tersebut boleh di atasi.

Generasi baharu Felda perlu mempunyai semangat yang ditunjukkan oleh Oscar Pistorius di Olimpik London baru-baru ini. "*He is a brave, articulate, polite, handsome and funny guy*". Dengan menggunakan kaki yang diubah suai beliau boleh berlari sama seperti atlet sempurna. Kita perlu ambil pengajarannya. Sesuatu itu tidak mustahil untuk diatasi jika kita bersikap positif.

Visi 2020 serta pelbagai pelan pembangunan dan pelan strategik telah digubal oleh kerajaan. Melalui barisan kepimpinan yang ada di Felda, sudah semestinya ada ruang untuk graduan generasi baharu meletakkan diri untuk bersama-sama menyusun dan menggerak pelan pembangunan masa hadapan Felda.

Carilah jalan untuk bersatu atas semangat 1Malaysia agar kehadiran mereka dirasai dan ketiadaan mereka ditangisi. Banyak peluang yang ada di Felda dan sudah tiba masanya untuk buktikan bahawa para graduan sendiri boleh berganding bahu untuk mencorak masa hadapan Felda.

Persoalannya, bagaimana generasi baharu Felda perlu menyusun strategi berlandaskan satu kerangka yang mantap. Generasi baharu perlu memikul tanggungjawab ini. Kita percaya graduan generasi baharu boleh melakukannya, Malaysia Boleh! Jawapannya insya-Allah ada melalui Model Pembangunan Generasi Baharu Felda. Fikirkan bersama.

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Sains Teknikal Universiti Putra Malaysia.